

Demokrasi ala Barat tak wajar dalam UMNO

UM 23 MAR 1987

— Mahathir

IPOH 22 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, demokrasi "ala Barat" tidak wajar wujud dalam UMNO, kerana pegangan UMNO adalah demokrasi adat resam dan tatasusila orang - orang Melayu.

Kata beliau, UMNO bukan sebuah parti yang radikal, tetapi sentiasa berpegang teguh kepada cara hidup orang - orang Melayu yang penuh dengan muafakat dan berlembut - lembut antara satu sama lain.

"Inilah pegangan dan amalan yang harus dipraktikkan, kerana amalan itu merupakan pilihan orang - orang Melayu," kata Perdana Menteri ketika berucap kepada persidangan perwakilan UMNO bahagian Tambun di Kompleks Islam di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, tugas utama setiap anggota parti ialah untuk memelihara dan mengekalkan keutuhan dan kekuatan parti.

"Kita tak mahu bertindak apa saja, kerana kalau kita lakukan demikian ia

akan mewujudkan keadaan kucar - kacir, semata - mata kerana kononnya kita mengamalkan demokrasi tulen," tegas beliau.

Presiden UMNO itu menegaskan, orang - orang Melayu masih berpegang teguh kepada adat resam, bukan sahaja kepada cara bertindak, bertutur dan berpakaian, tetapi apa sahaja, sekalipun adat resam itu bukanlah satu undang - undang.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, di Barat mereka begitu ghairah untuk menaikkan seseorang pemimpin dan bertindak apa sahaja asalkan pemimpin tersebut berjaya dalam perebutan.

Bagaimanapun, beliau menambah, bila masa yang lain mereka pula berusaha untuk menjatuhkan pemimpin tersebut sehingga menimbulkan keadaan yang tidak tenteram walaupun "pada satu ketika merekalah orangnya yang ghairah menaikkan pemimpin itu."

"Masa nak pilih mereka, kata baik, tetapi bila nak jatuhkannya berlaku pula sebaliknya," tegas beliau.